



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Peruntukan Dijangka RM50b](#)

Utusan Malaysia - Peruntukan Dijangka RM50b

🕒 Selasa, Sep 12 2017



Kerajaan akan menyalurkan modal pembangunan yang besar dalam Bajet 2018

Peruntukan dijangka RM50b

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 SEPT.

KERAJAAN dijangka memperuntukkan perbelanjaan pembangunan lebih tinggi pada pembentangan Bajet 2018 sebanyak RM50 bilion berbanding RM46 bilion pada tahun lalu.

Penganalisis Affin Hwang Capital, Loong Chee Wei berkata, ia selaras dengan sasaran perbelanjaan sebanyak RM260 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) bagi 2016-2020.

Katanya, pengumuman itu pastinya satu perkembangan yang baik kepada sektor pembinaan memandangkan lebih banyak projek sektor awam akan dilaksanakan tahun hadapan.

"Kami melihat ada beberapa langkah akan dilaksanakan, antaranya meneruskan insentif untuk menggalakkan penggunaan sistem bangunan perindustrian (IBS) dalam pembinaan.

"Selain itu, terdapat kemungkinan juga tambahan peruntukan perbelanjaan ini bagi fasa seterusnya projek Central Spine Road (CSR).



Kami melihat ada beberapa langkah akan dilaksanakan, antaranya meneruskan insentif untuk menggalakkan penggunaan sistem bangunan perindustrian (IBS) dalam pembinaan."

LOONG CHEE WEI
Penganalisis Affin Hwang Capital

di bawah Bajet 2018.

Ini kerana projek ini berupaya menambah baik laluan antara kawasan pedalaman Semenanjung dan Kelantan.

"Daripada perspektif politik dan sosio ekonomi, projek ini amat penting terutama untuk menghadapi Pilihan Raya Umum yang dijangka se-

kitar Mac atau April 2018," katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Bajet 2018 dijangka dibentangkan 27 Oktober ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Difahamkan buat masa ini, dua syarikat iaitu UEM Group dan WZ Satu Berhad (WZ Satu) sedang berunding bagi projek CSR yang bernilai RM4 bilion. Ia akan menyaksikan UEM Edgenta di-

jangka dilantik sebagai pengurus projek manakala WZ Satu akan menjadi kontraktor utama jika memperoleh projek tersebut.

Projek CSR yang dimulakan pada November 2015 itu bertujuan untuk mengalihkan aliran trafik dari Bentong, Pahang yang sering kali sesak pada hujung minggu dan cuti umum.

Menurut Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, apabila projek itu

Perbelanjaan pembangunan 2017
RM46 bilion

CSR dijangka siap 2020

Dijangka tertumpu bagi projek CSR

RM260 bilion
diperuntukkan di bawah RMK-11

RM145 bilion
kontrak akan diagihkan pada separuh kedua 2017

siap pada 2020, laluan CSR akan bermula selepas tol Bentong di Lebuhraya Karak dan fasa D bagi Bentong Bypass dijangka siap tahun depan manakala fasa B dan C akan mula beroperasi tahun depan.

Dalam pada itu, Chee Wei berkata, dianggarkan serendah-kurangnya terdapat kontrak infrastruktur bernilai RM145 bilion masih menunggu untuk diagihkan pada separuh kedua tahun ini termasuk projek-projek baharu yang akan dilaksanakan.

Katanya, antara projek tersebut termasuklah kereta api berkelajuan

tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR), Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan landasan berkembar elektrik Gemas-Johor Baru (EDTP).

"Kami menjangkakan package utama projek LRT3 bernilai RM10 bilion akan diagihkan dalam tempoh separuh kedua ini manakala projek ECRL yang bernilai RM55 bilion pula akan diagihkan pada suku keempat 2017.

"Dijangka kontraktor utama bagi projek ECRL, China Communications Construction Co. Ltd (CCCC)

akan menyerahkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada nilai projek kepada kontraktor tempatan," katanya.

LANDASAN kereta api berkelajuan tinggi. - GAMBAR HIASAN

Pekeliling Perbendaharaan

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216